

D151

B B523 DEB

MAHATHIR - PELANCONGAN R R R

(I)

1985

LUMUT, 18 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA KERAJAAN TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MEMBENARKAN ORANG ASING MEMBELI ATAU MEMILIKI RUMAH-RUMAH PERCUTIAN DI NEGARA INI.

UNTUK MENGGALAKKAN PERKARA ITU, PIHAK BERKUASA AKAN MEMUDAHKAN SESIAPA SAHAJA UNTUK MEMBELI RUMAH-RUMAH SEPERTI ITU DENGAN

MENGENEPIKAN PROSES BIASA YANG MEMBABITKAN PELBAGAI KERENAH  
PENTADBIRAN, TAMBAHNYA.

+KERAJAAN AKAN BERUPAYA MEMAJUKAN NEGARA DENGAN CEPAT DENGAN  
BANTUAN PELABURAN ASING DAN MENDAPATKAN LEBIH BANYAK TUKARAN WANG  
ASING DENGAN MEMBOLEHKAN MEREKA MEMBELI TEMPAT-TEMPAT SEPERTI ITU,+  
KATANYA KETIKA MERASMIKAN PUSAT PELANCONGAN PULAU PANGKOR LAUT DEKAT  
SINI PETANG INI.

BELIAU BERKATA, LANGKAH ITU JUGA AKAN AKAN MEMBERIKAN GALAKAN  
KEPADA PARA PEMAJU PELANCONGAN TEMPATAN UNTUK MEMAJUKAN LAGI  
KAWASAN-KAWASAN YANG BERPOTENSI UNTUK PELANCONGAN.

+WALAUPUN KITA INGIN MELIHAT PELABURAN SEPERTI INI DILAKUKAN DI  
SELURUH NEGARA, INI TIDAK BERMAKNA BAHAWA SEMUA ORANG MESTI TERJUN  
KE BIDANG PELANCONGAN.

+INI AKAN HANYA MENIMBULKAN KRISIS EKONOMI KERANA AKHIRNYA  
BILIK-BILIK HOTEL AKAN MELEBIHI ORANG YANG AKAN MENDIAMINYA,+  
TAMBAHNYA. -- LAGI.

1951MST 18 07 85

MAHATHIR - PELANCONGAN 2 LUMUT R R R

(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERI AMARAN KEPADA BAKAL-BAKAL  
PELABUR YANG BERPOTENSI +SUPAYA LEBIH BERHATI-HATI DAN CUBA MEMAHAMI  
PASARAN SEBELUM MENERUSKAN RANCANGAN UNTUK MEMAJUKAN SESUATU TEMPAT  
PELANCONGAN.+

+PELANCONGAN IALAH SATU CARA UNTUK MENDAPATKAN TUKARAN WANG  
ASING DENGAN CEPAT DAN NEGARA MEMERLUKANNYA UNTUK MEMAJUKAN NEGARA  
DAN MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT, + KATANYA.

RAKYAT MALAYSIA KETIKA INI SEBENARNYA MENJALANI KEHIDUPAN  
MELAMPAUI KEUPAYAAN KERANA TARAF HIDUP MEREKA TIDAK SEIMBANG DENGAN  
PENDAPATAN ATAU PENDAPATAN PER KAPITA, TAMBAHNYA. -- LAGI.

1959MST 18 07 85

MAHATHIR - PELANCONGAN 3 LUMUT R R R

(I)

PENDAPATAN PER KAPITA RAKYAT MALAYSIA IALAH SATU PER LIMA  
DARIPADA DI NEGARA-NEGARA MAJU, IAITU KIRA-KIRA AS\$2,000 BERBANDING  
DENGAN KIRA-KIRA AS\$8,000 HINGGA AS\$10,000 DI NEGARA-NEGARA MAJU.

+TARAF HIDUP KITA BUKAN SATU PER LIMA DARIPADA TARAF DI  
NEGARA-NEGARA ITU TETAPI KIRA-KIRA SEPARUH DARIPADANYA YANG BERMAKNA  
KITA BERBELANJA MELEBIHI DARIPADA KEMAMPUAN.

+DENGAN ITU KITA MESTI BEKERJA KERAS UNTUK MENINGKATKAN  
PENDAPATAN PER KAPITA HINGGA SEKURANG-KURANGNYA 50 PERATUS DARIPADA  
NEGARA-NEGARA MAJU BAGI MENERUSKAN TARAF KEHIDUPAN YANG BIASA KITA  
JALANI SEKARANG,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA RAKYAT TIDAK SEPATUTNYA MEMINTA  
KERAJAAN BERHENTI MEMUNGUT CUKAI DAN DALAM MASA YANG SAMA MEMINTA  
DISEDIAKAN PELBAGAI JENIS INFRASTRUKTUR.

TANPA CUKAI, KERAJAAN TIDAK AKAN MEMPUNYAI WANG UNTUK  
MENYEDIAKAN KEPERLUAN-KEPERLUAN ITU, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN  
PADUKA DR. SITI HASMAH ALI BERMALAM DI PUSAT PELANCONGAN ITU MALAM  
INI.

YANG TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH MENTER BESAR, DATUK SERI  
RAMLI NGAH TALIB DAN TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, MEGAT JUNID  
MEGAT AYOB. -- BERNAMA.

2012MST 18 07 85